

Minuman dan roti sosaj ayam dipercayai punca kejadian

MINUMAN kordial dan roti sosaj ayam dipercayai menyebabkan 106 pelajar keracunan makanan di kantin Sekolah Sukan Singapura bulan lalu.

Satu kenyataan bersama Kementerian Kesihatan (MOH), Agensi Sekitaran Kebangsaan (NEA) dan Penguasa Pertanian-Makanan dan Ternakan (AVA) menyatakan semalam mereka tidak dapat memutuskan punca utama keracunan makanan itu kerana ketiadaan persamaan positif dari para pesakit.

Hasil siasatan menunjukkan juga minuman ringan disediakan oleh pengendali kantin, ISS Catering Services, menggunakan baldi plastik yang tidak dilabel dengan jelas.

Kenyataan itu berkata label jelas bagi bekas makanan penting bagi mengurangkan risiko merebak pencemaran.

Selain itu, seorang pengendali makanan didapati positif Salmonella, sejenis bakteria yang biasanya merebak melalui makanan yang dicemari najis haiwan.

Beliau dikehendaki berhenti bekerja apabila pencemaran dikesan dan kembali bekerja setelah didapati sihat pada 7 Disember lalu.

Sumber roti sosaj ayam itu juga disiasat dan ia didapati ia telah dikelu-

arkan oleh syarikat Wei Cian Foods.

Ujian ke atas pengendali makanan daripada syarikat tersebut negatif daripada bakteria jangkitan makanan walaupun seorang pengendali makanan dilihat memegang makanan siap untuk dimakan dengan tangan terdedah.

Sebanyak enam roti sosaj ayam diambil untuk diuji tetapi hanya satu dikesan mempunyai bakteria.

Namun tahap bakteria *Bacillus cereus* itu dalam makanan tersebut tidak terlalu tinggi untuk menyebabkan keracunan makanan.

AVA telah juga mengingatkan Wei Cian Foods, yang tidak pernah mempunyai rekod kesalahan makanan, supaya memantau amalan pengendalian pengeluaran makanannya.

ISS Catering Services, yang diberi lesen mengendalikan kantin sekolah tersebut, telah digantung sejak 11 November lalu dan tidak lagi dibenarkan mengendalikan kantin itu mulai Januari ini.

Sekolah itu memutuskan menyerahkan kontrak baru kepada pengendali baru, yang akan diumumkan kelak.

Kebanyakan mangsa mengalami cirit-birit, sakit perut, pening dan tekak loya. Seramai 11 daripada mereka memerlukan rawatan pesakit luar.